



## LATIHAN SIMULASI MYPEC

### **JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC**

#### **SYARAT – SYARAT TAMBAHAN PELESENAN – KEDAI DOBI**

Pelesen hendaklah menjelaskan fee lesen seperti berikut : -

**1. FEE LESEN**

- |                                         |           |
|-----------------------------------------|-----------|
| 1.1 Kedai dobi, launderettes dan cucian | RM 150.00 |
| 1.2 Kedai dobi wap                      | RM 200.00 |

**2. MEMPAMERKAN LESEN**

Lesen hendaklah dipamerkan di premis berkenaan pada setiap masa.

**3. KEBERSIHAN**

- 3.1 Pelesen adalah bertanggungjawab menjaga premis ini dan kawasan persekitarannya supaya sentiasa bersih pada setiap masa.
- 3.2 Pekerja-pekerja yang bekerja di premis kedai dobi hendaklah bebas daripada sebarang penyakit kulit dan lain-lain penyakit berjangkit.
- 3.3 Semua perkakas, kelengkapan, mesin dan lain-lain peralatan yang digunakan yang terdapat dalam premis ini hendaklah dijaga dan dicuci bersih sebelum digunakan.
- 3.4 Semua pakaian yang telah dibasuh hendaklah disimpan atau disusun dengan kemas di atas rak-rak atau dalam kabinet yang sesuai. Pakaian-pakaian bersih tidak dibenarkan diletakkan di atas lantai, duduk atau tidur di atasnya.
- 3.5 Air yang digunakan untuk cucian dobi hendaklah dari bekalan air yang bersih.
- 3.6 Pakaian yang bersih tidak boleh dicampur dengan yang kotor atau belum dicuci.

**4. PENCAHAYAAN**

Pelesen hendaklah memastikan premis dobi ini mempunyai ruang cahaya dan ganti udara yang mencukupi dan dipasang dengan lampu-lampu yang terang.

**5. KESELAMATAN/ HALANGAN**

- 5.1 Pelesen hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa.
- 5.2 Menyediakan alat pemadam api yang mencukupi dan boleh digunakan pada bila-bila masa.
- 5.3 Stor simpanan pakaian hendaklah berada dalam keadaan selamat dan bersih.
- 5.4 Semua laluan/ lorong, pintu keluar masuk dan tangga hendaklah bebas dari sebarang halangan. Meletakkan bungkusan-bungkusan pakaian di tempat-tempat ini adalah dilarang sama sekali.
- 5.5 Jika melibatkan pendawaian elektrik hendaklah mendapat kelulusan daripada Jemaah Pemeriksa Elektrik. Salinan laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pelesenan.

**6. PAPAN TANDA / IKLAN**

Sebarang pemasangan papan tanda / iklan di premis / bangunan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu.

**7. PAPAN KENYATAAN**

- 7.1 Senarai kadar bayaran bagi perkhidmatan dobi hendaklah dinyatakan dengan jelas pada papan kenyataan.  
7.2 Masa perniagaan juga hendaklah dicatatkan untuk makluman.

**8. BINATANG PELIHARAAN**

Apa-apa binatang peliharaan seperti anjing, kucing, ayam, burung dan sebagainya tidak dibenarkan dibawa masuk atau tinggal dalam premis dobi.

**PERINGATAN**

Sekiranya pelesen / pengusaha gagal mematuhi syarat-syarat di atas, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Undang-undang Kecil Kedai Dobi (WPKL) 1985 dan Undang-undang Kecil Iklan (WP) 1982 dan pindaan-pindaannya.

**Jabatan Pelesenan,  
Dewan Bandaran MyPEC.  
Mei 2009**

Tingkat 22 Menara Safuan,  
No. 80 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
No. Tel : 03-20723802  
No. Faks : 03-20723804

FOR TRAINING PURPOSES ONLY